

# 5

## GUGATAN AKIDAH: MENGINGKARI DAN MENCELA RASULULLAH

Nurul Hidayah Sulaiman, Nor Kamilah Kamaruddin, &  
Kamarul Azmi Jasmi

### Abstrak

*Hasil daripada semakan dan rujukan hal berkaitan dengan mencela dan mengingkari rasulullah SAW adalah merupakan perkara yang tidak wajar dilakukan oleh umat Islam sendiri. Hal ini kerana sesungguhnya risalah yang disampaikan oleh nabi adalah utusan dan perintah daripada Allah supaya manusia mengetahui akan kewujudan Allah yang maha esa, maha berkuasa dan tidak ada kematian bagi Allah. Melalui perhatian dan analisis berkaitan dengan kejadian murtad dalam kalangan orang Islam adalah merupakan perkara yang tidak sewajarnya berlaku pada alaf ini kerana situasi dan ilmu pengetahuan sekarang amat luas hingga ke pelosok dunia. Sejurus dengan itu, kejadian sebegini sangat memalukan dan menjatuhkan martabat dan lambing keislaman melibatkan semua air muka orang Islam dipertikaikan sesama Muslim mahupun Negara barat. Akidah islamiyah yang unggul dan sepatutnya dipelajari oleh semua umat Islam pada masa kini oleh kerana dunia semakin maju serta perkembangan teknologi yang begitu canggih dan mencabar menjadikan manusia lebih hebat, bijak dan berkerjaya. Oleh itu, wajarlah manusia menggali ilmu Allah sementara masih diberi nafas oleh Allah untuk berbakti kepada dunia dan akhirat.*

### PENGENALAN

Mengingkari dan mencela Rasulullah adalah salah satu daripada sifat mazmumah yang merupakan sifat terkeji (dicela). Mencela

rasulullah banyak aspek yang boleh dilihat salah satunya dari aspek akidah, iaitu gerak kerja dan perlakuan diri. Contohnya ialah mengingkari sunnah yang tidak mengikut apa yang di tentukan syarak, akidah perlu di belajar oleh semua pihak supaya tidak berlaku percanggahan dan perselisihan pendapat dan pandangan. Hal ini boleh menyebabkan berlakunya kecelaruan akhlak dan perbezaan tatacara seorang Muslim. Mengingkari dan mencela Rasulullah boleh dilihat dalam dua aspek, iaitu pengertian dan sejarah. Manakala sejarah pula boleh dilihat dari segi sejarah klasik dan sejarah moden.

Dalam hal ini seorang Muslim dapat meneliti kehidupan individu berdasarkan kehidupan sehari-hari ketika di dunia yang penuh dengan godaan dan tipu helah syaitan. di sini dapat dilihat beberapa aspek mencela dan mengingkari Rasulullah SAW yang jelas dan nyata kebanyakannya berlaku pada zaman dahulu kala dan moden.

Hal sedemikian diketengahkan supaya tiada lagi manusia yang akhir zaman tidak dapat ilmu pengetahuan yang sangat senang diperolehi pada zaman moden ini. Nabi adalah seorang manusia yang sangat tinggi ilmu dan kecekapan belau dalam menangani masalah dengan sifat sabar, penyayang, baik hatinya, amanah dan sebagainya menyebabkan Allah SWT melantik beliau menjadi rasul. Maka betapa ruginya manusia yang mencela dan mengingkari Rasulullah SAW tanpa di sedari manusia itu juga mencela kekasih Allah SWT kerana nabi adalah pembawa risalah kenabian yang perlu di sampaikan kepada ummatnya.

## **MURTAD**

Murtad adalah keluar daripada agama Islam kepada agama kristian, hindu, china, dan sebagainya. Kebanyakan perkara yang menjelaskan iman di bawa dalam diri individu yang lupa kepada ajaran Islam, iaitu sunnah dan al-Quran. Manusia sekarang yang banyak sangat terpengaruh dengan ajaran sesat dan budaya barat yang makin berleluasa akan kebijaksanaan alatan moden yang makin canggih di alam semesta ini sehingga lupa kepada kekuasaan dan keadilan Allah SWT. Allah SWT ada berfirman:

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَجِئْنَا  
 بِكَ شَهِيدًا عَلَى هُؤُلَاءِ وَنَرَأْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيَانًا لِكُلِّ  
 شَفْعٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦﴾

*Maksud: Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang Islam.*

(Surah *al-Nahl*, 16:89)

Dalil ini menjelaskan bahawa kekusaan Allah tiada tandingan dan dolak dalihnya dengan yang lain. Dengan adanya rasul di muka bumi Allah maka terserlah dan kukuhnya bahawa tanda yang hakiki yang manusia tidak nampak dan tidak mampu berimajinasi sendiri wujud akan perjalanan hidup yang akan dituju oleh manusia.

## INGKAR RISALAH

Ingkar risalah kenabian merupakan perlakuan orang kafir pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW. kaum kafir dengan sedaya upayanya memerangi risalah kenabian Nabi Muhammad SAW supaya masyarakat pada masa itu tidak mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan mempercayai beliau seadanya. Pada masa itu begitu susah ajaran Islam dibawa dan di terima oleh masyarakat yang terpengaruh dengan orang kafir yang selalu membangkang dan membantah risalan kenabian. Hal ini bersambung dari zaman ke zaman sehingga sekarang manusia yang beragama Islam sendiri tidak berpegang kepada risalah Nabi Muhammad SAW lebih ramai daripada zaman yang mana agama Islam belum disebar

luas lagi. Oleh itu, masyarakat memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang beragama. Perkara yang perlu diterapkan dalam diri ialah akidah Islam yang menjadi tonggak keimanan keagamaan dan sahsiah jati diri yang akan dibawa samoai ke alam kubur sekalipun.

Para nabi berusaha sedaya upayanya dalam menyeru umatnya ke jalan Allah sehingga nabi sangat tabah dalam menghadapi cabaran dan dugaan untuk mayampaikan wahyu Allah kepada umat baginda s. a w. (Abu Saufi, 1996) sebagaimana firman-Nya:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ فِي شِيعِ الْأَوَّلِينَ ﴿٦﴾ وَمَا يَأْتِيهِمْ مِنْ  
رَسُولٍ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٧﴾

*Maksud: Dan Demi sesungguhnya! Kami utuskan rasul sebelummu (wahai Muhammad), dalam kalangan kaum yang lalu. Dan tiadalah seseorang Rasul pun yang datang kepada mereka, melainkan mereka mempersenda dan mengejek-ejeknya.*

(Surah Al-Hijr, 15:10-11)

Dalil ini menjelaskan menerangkan ketabahan Nabi Muhammad SAW dalam memerangi orang kafir yang selalu menyerang dan dituduh sebagai pendusta, pengingkaran bahkan penyerang.. Hal ini demikianlah kekusaan Allah yang diberikan sifat sabar dan pemaaf kepada Nabi Muhammad SAW.

## BERSEKUTU DENGAN SYAITAN

Syaitan adalah salah satu daripada makhluk ciptaan Allah SWT yang kejadian dan kewujudannya tidak dapat dilihat oleh manusia kerana berlainan dengan manusia. Kejadiannya dicipta daripada api manakala manusia dicipta daripada tanah kehidupan syaitan sememangnya wujud walaupun tanpa rupa bentuk yang dapat dilihat oleh manusia (Awang Nor, 2003). Sebagaimana yang dapat dilihat oleh Allah SWT dalam al-Quran:

يَابْنِ آدَمَ لَا يَقْتَنَّكُمُ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ أَبَوَيْكُمْ مِنَ  
 الْجَنَّةِ يَنْزِعُ عَنْهُمَا لِيَسْهُمَا لِيُرِيهِمَا سَوْآتِهِمَا إِنَّهُ يَرَاكُمْ  
 هُوَ وَقَيْلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ  
 أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

*Maksud: Wahai anak-anak Adam! janganlah kamu diperdayakan oleh syaitan sebagaimana ia mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari syurga, sambil ia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang yang tidak beriman.*

(Surah al-A'raf, 7:27)

Kejadian makhluk dalam di dunia ini yang dapat dilihat mahupun yang tersembunyi daripada pandangan mata manusia jelas terbukti bahawa semua ini wujud di muka bumi Allah SWT.

Manusia yang bersekutu dengan syaitan adalah insan yang lemah imannya sehingga syaitan mampu menggodanya dan menghasut supaya menuju kejalan neraka. Masyarakat yang sangat tergelincir ke arah kemaksiatan dunia sehingga lupa kepada sang pencipta yang maha berkuasa lagi maha agung, iaitu Allah SWT. hal yang demikian membawa kepada perkara yang haram di sisi Islam akan timbul, contohnya lelaki dan perempuan berdua duan tanpa seorg muhrim yang halal baginya akan berlaku dimana syaitan mula membelit dileher wanita supaya daripada pandangan belakang menampakkan bentuk tubuh yang boleh menyebabkan lelaki tertarik dan tergoda maka syaitan meniup kedalam hati kedua-dua lelaki dan perempuan supaya berputik rasa cinta antara mereka kemudian syaitan menggoda lagi supaya timbul nafsu antara mereka sehingga tidak daat

dikawal dan berlakulaah zinar yang mudah di terima oleh mereka sendiri, maka tiadalah terpelihara iamnnya. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَّا هُنَّ أَخْرَى وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفَسَ  
 الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزِنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ  
 أَثَاماً ﴿٦٨﴾ يُضَاعِفُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدُ فِيهِ  
 مُهَاجِّاً ﴿٦٩﴾ إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلاً صَالِحًا فَأُولَئِكَ  
 يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتِهِمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٧٠﴾

*Maksud: Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali Dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya; Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal dalam azab itu Dengan menerima kehinaan, -Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejabatan mereka Dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah al-Furqan, 25:68-70)

Balasan bagi orang yang berzinar adalah balasan yang sesuai dengan perbuatannya, iaitu neraka melainkan orang yang melakukan zina sempat bertaubat dan sujud kepada sang pencipta, iaitu Allah SWT. maka diampunkan dosa oleh Allah kerana sesungguhnya Allah maha pemurah lagi maha penyayang. Oleh demikian sesiapa yang berbuat ke arah kebaikan akan dibalas dengan balasan yang baik, iaitu syurga.

Keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW perlu ada dalam diri setiap individu Muslim yang soleh dan solehah. iman tidak dapat diwarisi mahupun di jual beli. Secara ijmal ringkas beriman kepada rasul bermaksud bahawa umat Islam percaya dan beri'tikad Allah mempunyai banyak nabi dan rasul. manakala secara tafsilil terperinci beriman kepada rasul bermaksud umat Islam wajib percaya dan beriktkiad dengan 25 orang rasul. Hal ini membincangkan mentaati segala ajaran yang dibawa oleh oleh Rasulullah SAW bersumberkan wahyu Allah. Sesiapa yang mentaati rasul bererti dia mentaati Allah dan mereka yang mendustai rasul bermaksud mendustai Allah. balasan bagi mereka yang mentaati Allah dan rasulnya ialah syurga dan bagi mereka yang ingkar adalah neraka. Hal ini sebagaimana hadis (al-Bukhari, 2001: 7280; Muslim, t.th.: 1835):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَنْ أَطَاعَنِي  
فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

*Maksud: Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:  
“Sesiapa yang mentaati sesungguhnya dia mentaati Allah...”*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Antara 25 orang rasul yang perlu umat Islam tahu adalah Adam, Idris, Nuh, Hud, Soleh, Ibrahim, Lut, Ismail, Ishak, Yaakub, Yusof, Ayyub, Syuib, Musa, Marun, Zulkifli, Daud, Sulaiman, Ilyas, Ilyasa' Yunus, Zakaria, Yahya, Isa, dan Nabi Muhammad SAW.

Ramai dalam kalangan umat Islam yang tidak jelas tentang perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang dikehendaki oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. sedangkan hal ini jelas mukjizat yang berlaku kepada para rasul tidak akan terjadi kepada manusia biasa. Mukjizat ialah perkara luar biasa yang dikurniakan Allah hanya kepada para rasul untuk membuktikan kerasulan mereka dan tidak dapat dipelajari, ditiru, dan ditandingi. Con-

tohnya: keluar air dari celah jari Rasulullah SAW. maksum bermak-sud semua rasul adalah terpelihara dari sebarang dosa yang boleh menjelaskan martabat kerasulannya. Maksum dan mukjizat yang terdapat pada para rasul ialah untuk meyakinkan kepada manusia tentang kerasulan mereka dan membuktikan keaslian dan kebenaran ajaran yang dibawa. Perkara luar biasa yang berlaku kepada segelintir manusia yang dikehendaki oleh Allah memang tidak dinafikan ianya terjadi tetapi hal ini umat Islam tidak menyebutnya sebagai mukjizat tetapi karamah kerana perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah hanya kepada hambanya yang soleh seperti wali Allah. Contohnya racun tidak memberi kesan kepada Khalid al-walid yang dicabar meminumnya semasa pembukaan kota Makah oleh kaum kafir laknatullah. Namun begitu ada juga perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang soleh, iaitu dipanggil ma'unah. Contohnya seorang Muslim yang terselamat daripada kemalangan yang pada adatnya membawa maut. Perselisihan sebegini banyak berlaku kepada sesama manusia. Oleh sebab itu munculnya golongan yang menyesatkan manusia kepada perkara pelik yang berlaku oleh manusia. Iman juga mungkin tercabut oleh sebab berbeza fahaman individu maka berlakunya (Jasmi & Tamuri, 2011).

Perbuatan iktikad yang menafikan atau mencela kerasulan atau keperibadian Rasulullah SAW dan mengingkari pengkhabaran yang dibawa oleh Nabi SAW. orang yang mengingkari al-Quran juga termasuk dalam golongan yang terbatal imannya kerana al-Quran disampaikan oleh nabi. Begitu juga dengan mengingkari hukum menurut nas al-Quran dan hadis seperti solat, zakat, haji, halal dan haram, bab perkahwinan, hudud dan sebagainya. Allah menyebut dalam al-Quran:

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

*Maksud: Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:163)

Syahadah ketuhanan Allah dan syahadah kerasulan Nabi Muhammad SAW, rukun syahadah tauhid; rukun nafi dan isbat, tauhid teori dan amali dan anggota pelaksana. Allah menegaskan di sini berkaitan dengan keesaan ketuhanannya bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkannya dan tiada sekutu baginya, bahkan dia adalah yang maha esa. (Awang, 2005)

Sayyid Qutb menyebut bahawa pengabdian diri kepada Allah adalah rukun pertama dalam akidah silam; yang terjelma dalam penyaksian *lailahaillallah*. manakala menerima apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW tentang bagaimana cara atau kaifiat pengabdian itu merupakan bahagian kedua yang terjelma dari pengakuan Muhammad Rasulullah.

Penyaksian mentauhidkan diri kepada Allah adalah asas dalam keimanan setiap manusia yang menjadi tonggak utama dalam akidah sekali gus menolak adanya pengabdian Allah selainnya begitu juga penyaksian Muhammad Rasulullah selaku penyampai sumber sekali gus menolak sumber yang lain. Hal ini demikian bermaksud kedua-dua pengabdian ini bersambung dalam akidah atau keimanan. Iman tidak sempurna tanpa salah satu daripadanya walaupun sedikit.

Kalimah *lailahaillallah* adalah syiar pengabdian mutlak semata-mata bagi Allah. Manusia tidak menjadi hamba yang sebenar bagi Allah kecuali apabila ia tunduk di bawah kalimah *lailahaillallahkalimah* seperti ini yang tidak di fahami oleh bangsa Arab menurut tata bahasanya yang bermaksud ‘tidak ada kehakiman melainkan Allah, tidak ada perundangan melainkan daripada Allah, tidak ada kekuasaan seseorang manusia ke atas seorang manusia lain kerana semuanya kekuasaan milik Allah’ dengan kalimah ini lah Nabi Muhammad SAW menyeru lalu bangsa Arab menentangnya.

Mereka menyedari bahawa apabila pegangan kalimah tauhid ini diterima maka mereka wajib melepaskan dan mengingkari seluruh bentuk kekuasaan yang bukan daripada Allah. Justeru memahami dan mengerti isi kandungan *lailahaillallah*, maka pernah seorang Arab Badwi berkata kepada Rasulullah SAW:

'jika demikian (wahai Muhammad) kamu akan di perangi oleh orang arab dan ajam. (seorang Badwi lain mencelah)' inilah perkarra yang di benci oleh raja-raja dan para penguasa'.

Demikianlah penyaksian ketuhanan Allah *lailaha illallah* yang dikehendaki Islam, iaitu satu pengisytiharan kemerdekaan hakiki manusia selaku hamba Allah dan menolak bentuk ketaatan, ikutan kepatuhan dan kekuasaan yang selain daripadanya.

## SHAHADAH KERASULAN NABI MUHAMMAD

Pengakuan tauhid tidak sempurna melainkan disertakan dengan pelaksanaan berdasarkan kepada contoh bawaan Rasulullah SAW pengakuan Muhammad SAW Rasulullah adalah pelengkap kepada pengakuan pertama. ertiya yang pertama tidak sempurna melainkan dengan pengakuan yang kedua. Pengakuan ini bermakna Rasulullah SAW adalah rasul penutup yang diutuskan Allah kepada seluruh umat manusia. Al-Quran menegaskan:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْyِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ الَّتِي أَمَّى الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ  
لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

*Maksud: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; yang menghidupkan dan mematikan. oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-Nya (kitab-Nya); dan ikutilah Dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."*

(Surah *al-A'raf*, 7:158)

Percubaan untuk beralih kepada sesuatu corak pimpinan yang lain daripada sebarang ikutan al-Quran dan Rasulullah dianggap sesat. Satu hadis ada menjelaskan (al-Bukhari, 2001: 7282):

عَنْ حُذَيْفَةَ قَالَ يَا مَعْشَرَ الْقُرَّاءِ اسْتَقِيمُوا فَقَدْ سَبَقْتُمْ سَبُّقًا  
بَعِيدًا فَإِنْ أَخْذُتُمْ يَمِينًا وَشِمَالًا لَقَدْ ضَلَّتُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا

*Maksudnya: Huzayfah RA berkata: "Wahai para pembaca guran beristiqamah lah kamu (di atas jalan yang benar) sesungguhnya kamu didahului (orang lain) dengan begitu jauh sekiranya kamu menyimpang ke kiri dan ke kanan nescaya kamu akan sesat dengan kesesatan yang jauh."*

*(Al-Bukhari)*

Hal ini berkaitan dengan perjalanan hidup manusia yang membawa kepada jalan yang ingin dituju dan diseur supaya berada di landasan yang betul supaya umat Nabi Muhammad SAW tidak tergelincir akidahnya mahupun mentauhidkan diri kepada Allah SWT.

## KESIMPULAN

Mereka yang sebenar bertauhid ialah orang yang mentauhidkan Allah dengan hati, lidah dan amalan. Ketiga-tiga hukum ini mestilah sepakat dengan erti apabila hati membenarkan keesaan Allah, maka disertakan dengan amalan yang selaras dengan kebenaran hati serta ucapan lidahnya. Apabila berlakunya pertentangan antara salah satunya dalam keadaan ikhtiar, maka bermakna berlaku kepincangan pada tauhidnya. begitu pula pada setiap yang dilakukan itu wajib diarah tujuhan kepada Allah semata-mata dan bukanlah kepada yang selainnya.

Menurut pandangan saya, kehidupan seharian perlu kepada ilmu pengetahuan yang kukuh supaya tidak berlaku salah fahaman akidah ataupun kekurangan iman. Sekiranya iman diletakkan dalam diri seseorang tanpa pengetahuan dan kepercayaan al-Quran

dan hadis maka hal ini mungkin menyebabkan tergelincir akidah terhadap Allah dan Rasulullah. Sedangkan mereka ini saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh itu saya merasakan setiap individu masyarakat Muslim perlu mendalami ilmu yang bersumberkan kalam Allah dan menerima dengan luas hukum yang ditentukan olehnya.

Sebagai Muslim atau Muslimin, mereka wajib menuntut ilmu sehingga ke liang lahad sekali pun kerana ilmu di muka bumi Allah ini amatlah luas dan banyak. Justeru itu, umat Islam perlu berusaha untuk mendapatkannya supaya akidah umat Islam tidak terkeluar daripada tunggak utama umat Islam, iaitu al-Quran dan a-hadis.

Tegasnya saya di sini adalah hati, lidah dan anggota mestilah menuaikan tugasnya masing-masing dalam membentuk akidah tauhid terhadap Allah dan rasulnya. Maka lahirlah generasi yang tidak mencela dan mengingkari rasulullah.

## **RUJUKAN**

- Abu Saufi. (1996). *Keutamaan Amalan dan Akhlak Muslim* Taman Kempas Perniagaan Jahabersa.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanahu wa Ayyamihī – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Awang Nor, Rahman. (2003). *Membongkar Rahsia Iblis dan Syaitan Menggoda Umat Nabi Muhammad SAW*. bandar baru seri gombak: penerbitan darul iman.
- Awang, Ramli (2005). *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*. Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naqli al-'Adli ila Rasulullah SAW* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.